AUTHOR: No author available SECTION: SEMASA AUDIENCE : 85,000 PAGE: 4 PRINTED SIZE: 217.00cm²
REGION: KL MARKET: Malaysia PHOTO: Full Color ASR: MYR 5,670 WORDS: 269
ITEM ID: DP0122528136



15 NOV, 2026

Tiga lelaki ditahan curi kabel elektrik

Kosmo Ahad, Malaysia



TIGA suspek yang dipercayai dalang curi kabel yang berjaya ditahan dalam Op Pintu Cahaya di Pontian pada Rabu lalu.

Tiga lelaki ditahan curi kabel elektrik

PONTIAN – Tiga lelaki ditahan disyaki terlibat dengan kegiatan khianat dan mencuri komponen kabel serta pencawang Tenaga Nasional Berhad (TNB) di Pekan Nanas pada Rabu lalu.

Ketua Polis Daerah Pontian, Superintendan Hadzrat Hussein Mion Hussain berkata, lelaki berusia 25 hingga 42 tahun ditahan dalam satu operasi di kawasan New Hup Soon Farming Sdn.Bhd Pekan Nanas pada pukul kira-kira 2 pagi.

Katanya, perbongkaran tersebut hasil risikan dan maklumat dan dilakukan menerusi Op Pintu Cahaya oleh Bahagian Siasatan Jenayah Ibu Pejabat Daerah (IPD) Polis Pontian bersama Task Force Pintu Ketua Polis Daerah Pontian dan Polis Bantuan TNB.

"Dalam operasi tersebut, polis turut merampas sebuah Toyota Hilux, peralatan memotong kabel, pelbagai peralatan pertukangan, tiga gelung komponen tembaga Transformer Winding.

"Serta beberapa telefon bimbit yang dipercayai mempunyai kaitan dengan kegiatan jenayah berkenaan," katanya ketika dalam satu kenyataan di sini semalam.

Tambah Hadzrat Hussein, siasatan awal mendapati ketiga-tiga suspek dipercayai mempunyai peranan masing-masing dalam merancang, melaksanakan dan mengangkut komponen tembaga sebelum menjualnya di sebuah premis barang lusuh di Gelang Patah bagi mendapatkan wang tunai.

"Semakan mendapati ketiga-tiga suspek mempunyai rekod lampau berkaitan pelbagai kesalahan, manakala saringan awal air kencing mendapati kesemuanya positif dadah jenis methamphetamine," ujar beliau.

Katanya, kes disiasat di bawah Seksyen 431A Kanun Keseksaan dan siasatan lanjut bagi mengenal pasti penglibatan suspek dalam beberapa kes kecurian kabel lain di sekitar daerah Pontian.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri Johor, Datuk Mohd Jafni Md. Shukor berkata, perbuatan ini menyebabkan lampu jalan tidak berfungi dan dibaiki semula.

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.